


# Yaman semarakkan dagangan anggota OIC

BH-1/3/2007.

## PM mahu kejayaan Asean jadi contoh kepada negara Islam



Rasid  
Rahaman  
di Sana'a

**L**ANGKAH Yaman menandatangani rangka kerja Perjanjian Sistem Keutamaan Perdagangan antara Pertubuhan Persidangan Islam (TPS-OIC) dan Protokol Skim Tarif Keutamaan (Pretas), akan menyemarakkan lagi perdagangan antara negara anggota pertubuhan itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata sebagai Pengerusi OIC, beliau mahu melihat kejayaan dicapai oleh Asean, turut dapat diterap dan dimanfaatkan dalam pertubuhan berkenaan.

"Saya harap Yaman akan menandatangani TPS-OIC dan Pretas bagi menyemarakkan lagi perdagangan antara negara anggota pertubuhan itu," katanya berucap pada seminar Peluang Perdagangan Malaysia dan Yaman, di Sana'a, semalam.

Pagi semalam, beliau bertemu rakan sejawatannya, Abdul Kader Bammal, sebelum berdialog dengan ahli Majlis Syura, ulama dan cendekiawan Yaman.

Selepas mengadakan perbincangan dengan Presiden Yaman, Ali Abdullah Salleh di Istana Presiden, Perdana Menteri turut menemui pelajar Malaysia, sebelum melawat Bab Al-Yaman iaitu bandar lama Sana'a.

Beliau berkata, pada 2006, nilai perdagangan Malaysia dengan negara anggota OIC meningkat 22.9 peratus, berbanding AS\$22.7 juta pada 2005, dengan eksport AS\$11.8 juta, meningkat 17 peratus daripada AS\$10.1 juta.

"Pada tahun sama, nilai import Malaysia dari negara OIC turut meningkat 30 peratus iaitu kepada AS\$10.9 juta, berbanding AS\$8.4 juta pada 2005. Antara import utamanya

ialah petroleum, kimia, logam, barang elektrik dan elektronik.

"Saya yakin banyak lagi ruang boleh diteroka untuk meningkatkan pelaburan dan perdagangan di kalangan negara OIC," katanya sambil menjelaskan eksport Malaysia ke negara OIC terus meningkat terutama bagi perkhidmatan dan pembinaan.

"Tahun lalu, sebuah syarikat infrastruktur Malaysia memperoleh projek membina jambatan di Bahrain bernilai AS\$174 juta. Projek lain termasuk pembinaan lebuh raya dan lapangan terbang di Qatar yang bernilai AS\$734 juta.

"Syarikat Malaysia juga memperoleh projek infrastruktur di Arab Saudi, Libya, Turki dan Pakistan. Kami percaya kejayaan projek itu membuktikan firma pembinaan dan perkhidmatan Malaysia boleh bersaing pada peringkat global," katanya.

Beliau berkata, syarikat Malaysia yang terbabit dalam perkhidmatan kewangan mendapat pengiktirafan sebagai pakar dalam perbankan Islam, insurans serta aspek lain sektor perkhidmatan kewangan.

"Selain pakar dan mempunyai pengurusan yang cekap serta menyediakan khidmat sebagai pusat takaful dan takaful semula, kedudukan

Malaysia amat baik sebagai pusat pengaliran keluar dan perdagangan pasaran modal Islam," katanya.

Abdullah berkata, ini membuktikan ahli perniagaan Malaysia berpotensi untuk menjalin kerjasama dengan ahli perniagaan Yaman dalam pelbagai bidang berkenaan.

"Yang pasti, Malaysia ingin berkongsi pengalaman serta menambah pengetahuan dalam perdagangan dan pelaburan antarabangsa dengan ahli perniagaan Yaman.

"Saya berharap menerusi mesyuarat yang diadakan hari ini (semalam), mereka dapat bertukar-tukar maklumat sekali gus meningkatkan rangkaian perdagangan serta pelaburan masing-masing," katanya.

Abdullah berkata, nilai pelaburan antara kedua-dua negara jelas perlu ditingkatkan kerana sehingga kini jumlahnya terlalu kecil, iaitu hanya membabitkan 0.1 peratus.

"Malaysia mengeksport produk besi dan keluli, minyak sawit, kayu dan makanan serta mengimport minyak mentah, hasil berasaskan petroleum, makanan laut serta logam.

"Pada 2006, nilai perdagangan Malaysia dan Yaman hanya AS\$312 juta dengan eksport AS\$260.2 juta dan import AS\$51.8 juta," katanya.

**“ Saya yakin banyak lagi ruang boleh diteroka untuk meningkatkan pelaburan dan perdagangan negara OIC ”**

**Abdullah Ahmad Badawi**  
Perdana Menteri